

Tarikh Iklan : **07 Januari 2016**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PAHANG**

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **KONTRAK** berikut di **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Pahang**

**A. JAWATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	PENEMPATAN	JADUAL GAJI MINIMUM	JADUAL GAJI MAKSIMUM	SKIM PERKHIDMATAN
1	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	U29	KAMPUS JENKA	RM 1312.00	RM 5173.00	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
2	SETIAUSAHA PEJABAT	N27	KAMPUS RAUB	RM 1362.00	RM 5092.00	SETIAUSAHA PEJABAT

**B. SYARAT LANTIKAN**

**1) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (GRED U29)**

(1 kekosongan)

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Diploma Pembantu Perubatan daripada Kolej Pembantu Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan **atau** kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta** telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia;  
(Gaji Permulaan ialah pada RM1687.59)

dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## 2) SETIAUSAHA PEJABAT (GRED N27)

(1 kekosongan)

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada Politeknik-Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan oleh kerajaan (Gaji permulaan ialah pada RM1362.00); atau
- ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Gaji permulaan ialah pada RM1661.95); atau

dan

- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### C. TARAF JAWATAN

#### KONTRAK

### D. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
- (c) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
- (d) Hanya permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- (e) Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan benar dan mengikut susunan berikut:-
  - i) Salinan Kad Pengenalan
  - ii) Salinan Sijil MCE/SPM, HSC/STPM atau setaraf
  - iii) Diploma UiTM/Politeknik atau setaraf
  - iv) Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji.
- (f) Permohonan yang **tidak lengkap/diterima lewat daripada tarikh tutup** yang ditetapkan tidak akan diproses.
- (g) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

**E. PERMOHONAN**

(a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA** yang boleh dimuat turun di laman sesawang UiTM Cawangan Pahang; <http://www.pahang.uitm.edu.my>

(b) Borang permohonan tersebut **PERLU DICETAK** dan diisi dengan lengkap.

**F. *Permohonan yang TELAH LENGKAP diisi, sila majukan ke alamat berikut:***

**Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pentadbiran  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Pahang Kampus Jengka  
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka  
Pahang Darul Makmur  
No. Tel : (09) 4602032 / 2033 / 2029**

Tarikh tutup permohonan ialah pada :- **20 Januari 2016**